

# Transaksi hartanah kediaman susut

Akibat kebimbangan pembeli mengenai Covid-19 selain prestasi KDNK yang lebih perlahan

## KUALA LUMPUR

Jumlah transaksi hartanah kediaman Malaysia pada suku pertama 2021 susut sebanyak 44.7 peratus tahun ke tahun berbanding tempoh sama pada tahun lepas, demikian menurut laporan PropertyGuru DataSense.

Keadaan itu terutamanya disebabkan oleh peningkatan kebimbangan dalam kalangan pembeli hartanah mengenai kes Covid-19 selain prestasi keluaran dalam negara kasar (KDNK) yang lebih perlahan daripada jangkaan awal, katanya yang juga

cabang analisis data dan penyelesaian PropertyGuru.

“Pembeli rumah kali pertama (FHB) didapati menyumbang kepada sebahagian besar transaksi hartanah di seluruh Malaysia iaitu 61.2 peratus.

“Golongan pembeli FHB turut mengatasi pembelian oleh pelabur di tiga pasaran hartanah utama Malaysia - Lembah Klang, Johor, dan Pulau Pinang iaitu masing-masing sebanyak 13.2 peratus, 65.2 peratus dan 0.08 peratus,” kata kumpulan teknologi hartanah itu dalam kenyataan pada Isnin.

Pengarah Urusan PropertyGuru DataSense, Joe Hock Thor berkata, berikutan peningkatan kebimbangan terhadap kes Covid-19 dan prestasi KDNK, ia bukanlah sesuatu yang menghairankan apabila keyakinan terhadap pasaran berkurangan selain penurunan transaksi hartanah kediaman pada suku per-



Trend dalam transaksi menunjukkan pembeli gemar unit kediaman lebih besar.

tama 2021.

“Namun, kami gembira apabila melihat insentif-insentif seperti Skim Rumah Pertama Saya dan Kempen Pemilikan Rumah telah mendorong pembeli rumah kali pertama memulakan langkah untuk memiliki rumah sendiri pada suku ini,” katanya.

Menurut PropertyGuru DataSense, transaksi subjualan mendominasi pasaran pada suku pertama 2021 dengan ramai pemilik hartanah bertindak menjual aset pada harga kompetitif untuk mendapatkan wang tunai dan seterusnya membolehkan kalangan FHB dan pelabur membuat pem-

belian pada harga di bawah nilai pasaran.

“Ini jelas ketara di Lembah Klang yang mencecah rekod transaksi subjualan sebanyak 83.7 peratus iaitu tertinggi dalam tempoh tiga tahun,” katanya.

Dalam pada itu, langkah yang menyaksikan sebahagian besar rakyat bekerja dari rumah susulan pandemik turut mengubah jenis hartanah yang menjadi pilihan pembeli.

Trend ini dipaparkan oleh data transaksi suku pertama 2021 yang mana pembeli lebih menggemari unit kediaman lebih besar dan luas dalam lingkungan harga RM300,000 hingga RM500,000.

“Kalangan pembeli lebih memilih unit bertanah berbanding kediaman bertingkat manakala rumah teres menyumbang 54 peratus daripada transaksi di Malaysia diikuti dengan kondominium/pangsapuri (18 peratus),” katanya. - Bernama

## #SatuHatiSatuSuara GM Klang tawar pelbagai hadiah

**KLANG** - Pusat Borong Terbesar di Malaysia GM Klang mengambil inisiatif menyemarakkan lagi semangat masyarakat dengan mengadakan kempen bertemakan #SatuHatiSatuSuara.

Pelbagai aktiviti dirangka sempena kempen tersebut bagi menzahirkan penghormatan dan penghargaan kepada petugas barisan hadapan yang bertungkus-lumus melawan Covid-19.

Menurut Pengurus Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam GM Klang, Norsuhaida Othman, tumpuan utama kempen #SatuHatiSatuSuara ialah peraduan Klik dan Menang yang dijalankan secara dalam talian.

“Peserta perlu mengambil gambar bertemakan keunikan Malaysia dan muat naik di media sosial bersama kapsyen kreatif, hashtag #SatuHatiSatuSuara dan #MalaysiaPrihatin, serta tag GM Klang.

“Pemenang paling kreatif berpeluang memenangi hadiah wang tunai RM500 manakala 10 pemenang bertuah lain yang terpilih layak menerima insentif beli-belah GM Klang yang berjumlah RM300,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Dalam pada itu katanya, GM Klang melancarkan satu lagu khas #SatuHatiSatuSuara yang diubahsuai secara eksklusif da-



Menerusi kempen itu, pemenang paling kreatif berpeluang menang hadiah wang tunai RM500 manakala 10 pemenang bertuah lain yang terpilih layak menerima insentif beli-belah GM Klang yang berjumlah RM300.

ripada lagu tema GM Klang oleh juara Battle of the Band Gempakarnival 2019, dua tahun lepas iaitu Merchant of Mercury.

“Lagu yang membawa mesej perpaduan rakyat Malaysia dalam memerangi pandemik ini diharapkan dapat menyuntik semangat #SatuHatiSatuSuara kepada rakyat Malaysia,” katanya.

Kempen #SatuHatiSatuSuara ini bermula pada 20 Ogos sehingga 20 September 2021 di saluran media sosial rasmi GM Klang iaitu Facebook (@GMKlang) dan

Instagram (@gmklang) serta boleh dilayari di [gmklang.com](http://gmklang.com).

Kempen berkenaan turut mendapat sokongan daripada Jabatan Penerangan Malaysia (Japen), Majlis Perbandaran Klang dan Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara Selangor.

Orang ramai boleh menghubungi Nur Faezah (Bahagian Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam) di talian 012-2851152 atau email [faezah@gmklang.com](mailto:faezah@gmklang.com) untuk pertanyaan lanjut.

## Sedania raih kontrak Pos Malaysia

**SHAH ALAM**- Sedania Innovator Berhad (Sedania) melalui anak syarikatnya Sedania Technologies Sdn Bhd meraih kontrak enam tahun daripada Pos Malaysia bagi pengurangan penggunaan tenaga melalui konsep simpanan bersama.

Ketua Pegawai Eksekutif Sedania, Daniel Ruppert berkata, syarikat akan menawarkan perkhidmatan teknologinya melalui rangka kerja ‘energy performance contract’ (EPC) atau kontrak prestasi tenaga yang membolehkan organisasi meneruskan objektif persekitaran, sosial dan tadbir urus korporat (ESG) mereka dengan mengurangkan penggunaan tenaga pada asas sifar.

“Dengan kontrak enam tahun ini, ia menandakan permulaan syarikat di dalam sektor rangkaian bekalan yang telah menunjukkan pertumbuhan besar dalam tempoh 18 bulan lalu berikutan peningkatan jumlah membeli-belah dalam talian.

“Berdasarkan laporan sebelum ini, Pos Malaysia melalui Pos Laju SendParcel telah menyempurnakan servis penghantaran dengan lebih 6.7 juta bungkusan jumlah keseluruhan dan menjana pendapatan sebanyak RM45.5 juta pada tahun 2020,” katanya dalam kenyataan pada Isnin.

Perkhidmatan Greentech Solutions Sedania ditawarkan kepada sektor perbankan dan telekomunikasi.

Daniel menambah, usaha terbaru ini merupakan satu titik penting bagi Sedania setelah syarikat itu memperluaskan sektor Greentech Solutions ke industri logistik dan rantai bekalan iaitu sebuah industri dengan beribu pusat pemprosesan dan cawangan di seluruh Malaysia.

Menurutnya, fasa pertama merangkumi pelan kecekapan dan penyelesaian tenaga boleh diperbaharui di lapan tapak Pos Malaysia terpilih di Lembah Klang yang dijadualkan bermula tahun ini serta dijangka selesai dalam tempoh tiga bulan.

“Saya memuji inisiatif dilakukan oleh Pos Malaysia dalam usaha mencapai kelestarian tenaga walaupun dalam keadaan sekarang yang sangat mencabar,” katanya.

